

24/09/1997

Pindah penduduk langkah terakhir

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan hanya akan memindahkan penduduk yang teruk dilanda jerebu di Sarawak ke tempat lain sebagai pilihan terakhir, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menegaskan kerajaan sentiasa terbuka dengan sebarang cadangan, Perdana Menteri berkata, langkah pemindahan itu terpaksa dijadikan pilihan terakhir kerana ia membabitkan kira-kira sejuta penduduk negeri itu.

"Tetapi pada peringkat ini, perpindahan itu memang sukar dilakukan.

"Ke mana mereka akan dibawa. Malah, di laut juga ada jerebu," katanya selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian antara Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton), Automobiles Citroen Of France dan Usaha Sama Proton-DRB Sdn Bhd (USPD), petang ini.

Indeks Pencemar Udara (API) di Kuching yang sudah diisytiharkan pada peringkat Darurat Jerebu apabila mencapai 658 Jumaat lalu, meningkat mendadak semalam dari 439 pada sebelah pagi sehingga melebihi 700 API petang semalam dan mencapai 839, pada pagi ini.

Dr Mahathir berkata, cara terbaik untuk mengatasi masalah jerebu itu ialah dengan membantu Indonesia memadamkan kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera.

"Kita mungkin tidak boleh memadamkan sepenuhnya kebakaran itu.

"Tetapi, dengan menghantar orang kita ke sana, sekurang-kurangnya kesan kebakaran itu dapat dikurangkan," katanya.

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara (JPBBN), Datuk Mohamed Rahmat, berkata pihaknya sedang menimbang kemungkinan memindahkan penduduk di Sarawak ke tempat lain jika API terus meningkat.

Menurutnya, JPBBN sudah meminta Jawatankuasa Pengurusan Bencana di Sarawak untuk melaporkan sebarang kesan baru terhadap kesihatan akibat peningkatan API melebihi 800 di negeri itu.

"Kita sedang mengkaji kedudukan jerebu yang ketika ini pada peringkat amat berbahaya di Kuching.

"Jawatankuasa Pengurusan Bencana di sana sudah diarah memberitahu sebarang kesan kesihatan baru di kalangan penduduk, pada peringkat 800.

"Saya tahu jumlah pesakit dah bertambah dan jarak penglihatan amat kurang sekali. Jika keadaan bertambah buruk dan hendak difikirkan pemindahan, kita kena fikir," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan topeng pernafasan kepada orang ramai dan pelajar di sekitar kawasan Bukit Bintang hari ini.

Kira-kira 5,000 topeng pernafasan diedarkan kepada orang ramai, tajaan City Television Sdn Bhd yang mengendalikan saluran Metrovision.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata, rakyat di Sarawak perlu mematuhi nasihat kesihatan apabila keadaan berjerebu di negeri itu mencapai tahap darurat.

Ini termasuk memakai topeng pernafasan, tidak keluar dari rumah kecuali untuk urusan penting dan meminum air masak sebanyak mungkin.

(END)